



PENGENALAN

Sistem e-Perolehan FELDA (Sistem eP FELDA) merupakan sistem perolehan elektronik yang membolehkan pembekal untuk menawarkan bekalan, perkhidmatan dan kerja kepada FELDA melalui atas talian (internet). Ia adalah meliputi tawaran perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus yang akan dikeluarkan oleh FELDA.

Sistem eP FELDA menggunakan platform Tender Wizard selaku penyedia perkhidmatan (service provider). Perkhidmatan yang ditawarkan melalui Sistem eP FELDA adalah meliputi:

1. Pendaftaran pembekal dan pembayaran secara atas talian.
2. Pembelian dokumen tender/ sebut harga dan pembayaran secara atas talian.
3. Memproses dan menyerahkan tawaran tender / sebut harga secara atas talian.
4. Penyaluran maklumat (contoh kenyataan tawaran, pembukaan, keputusan) melalui email yang telah didaftarkan.

PELAKSANAAN

Pada peringkat awal pelaksanaan Sistem eP FELDA (secara berperingkat), kenyataan tawaran bagi tender dan sebut harga yang dipaparkan akan menyatakan secara jelas kaedah perolehan samada melalui Sistem eP FELDA atau proses manual sedia ada.

DAFTAR VENDOR/PEMBEKAL

Pembekal perlulah berdaftar dengan Sistem eP FELDA bagi membolehkan pembekal untuk menyertai tawaran tender/ sebut harga yang ditawarkan oleh FELDA serta memperolehi kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan.

Pembekal perlu memastikan maklumat yang diisi adalah lengkap dan tepat berserta dokumen sokongan (yang berkaitan) bagi memastikan ketepatan maklumat. FELDA berhak untuk menamatkan pembekal yang telah berdaftar sekiranya didapati maklumat yang dibekalkan adalah tidak sah dan tidak tepat.

Setiap pendaftaran adalah sah laku bagi tempoh satu tahun daripada tarikh pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran adalah secara tahunan. Kenaan caj adalah oleh pihak service provider ke atas perkhidmatan yang telah disediakan.



PENJUALAN DOKUMEN TENDER / SEBUT HARGA

Pembekal boleh mendapatkan dokumen perolehan secara atas talian bagi tawaran tender dan sebut harga yang melalui Sistem eP FELDA. Harga dokumen tersebut adalah berdasarkan ketetapan yang telah dinyatakan di dalam Kenyataan Tawaran.

PENAWARAN PEROLEHAN

Pembekal yang berjaya menerima tawaran perolehan pembekalan/ perkhidmatan/ kerja melalui Sistem eP FELDA, akan dikenakan fi perkhidmatan daripada nilai tawaran tertakluk kepada kadar dan had maksimum yang ditetapkan. Fi perkhidmatan berkaitan adalah kenaan caj oleh pihak service provider ke atas perkhidmatan yang telah disediakan.

KENYATAAN TAWARAN, PEMBUKAAN DAN KEPUTUSAN TENDER / SEBUTHARGA

Pembekal yang telah berdaftar melalui Sistem eP FELDA akan menerima pemakluman kenyataan tawaran, pembukaan dan keputusan tender/ sebut harga melalui emel yang telah didaftarkan. Bagi pembekal yang belum berdaftar, kenyataan tawaran tender/ sebut harga boleh disemak melalui laman rasmi FELDA.

Sebarang pertanyaan berkaitan Sistem eP FELDA bolehlah diemailkan kepada tender.f@felda.net.my

Jabatan Perolehan
FELDA



TERMA & SYARAT

YURAN PENDAFTARAN

1. Yuran bagi pendaftaran sistem e perolehan FELDA (eP) adalah sebanyak RM150 setahun.
2. Bagi tujuan promosi, pihak FELDA menawarkan diskaun ke atas yuran pendaftaran untuk **kali pertama** mengikut kadar dalam jadual 1 di bawah:

| Kategori | Keterangan Pembekal | Kadar Yuran Pendaftaran |
|----------|--|-------------------------|
| 1 | Pernah berdaftar dengan e ikof | Percuma |
| 2 | Belum pernah berdaftar dengan e ikof | RM50 |
| 3 | Pembekal yang ingin membuat pendaftaran eP bermula 01 Januari 2021 | RM150 |

Jadual 1

3. Untuk pendaftaran pembekal, portal sistem eP boleh dicapai melalui <https://www.tenderwizard.my/FELDA> dan pembekal boleh memilih menu '**register**' untuk mula mendaftar. Setelah siap mendaftar, pihak FELDA akan menghubungi setiap pembekal untuk tujuan pengesahan/pengeluaran sijil dan pembayaran yuran pendaftaran.
4. Bagi pembekal dalam **Kategori 1** yang mempunyai alamat email berdaftar dalam sistem e-ikof, akaun pembekal akan diwujudkan dalam sistem eP secara automatik. Setiap pembekal yang terlibat akan menerima email notifikasi untuk tujuan pengaktifan akaun selewat-lewatnya sebelum 31 Disember 2020
5. Bagi pembekal dalam **Kategori 2**, promosi hanya sah sekiranya pendaftaran akaun eP dibuat sebelum atau pada 31 Disember 2020.
6. Penentuan kategori setiap pembekal bagi tujuan diskaun adalah berdasarkan rekod dalam sistem e ikof FELDA dan sebarang perubahan adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Jabatan Perolehan FELDA.



LAIN-LAIN PERKARA

1. Untuk makluman, portal sistem eP masih dalam peringkat akhir percubaan dan sedang ditambahbaik dari segi grafik dan rekabentuk portal. Sistem akan diaktifkan sepenuhnya bermula 01 Januari 2021. Namun demikian, fungsi pendaftaran pembekal telah berfungsi dengan sepenuhnya bagi membolehkan semua pembekal mula berdaftar.
2. Bermula 01 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2021, sijil e-ikof masih lagi boleh digunakan bagi tender yang masih belum dilaksanakan melalui sistem eP. Pembekal juga boleh menggunakan sijil eP bagi menggantikan sijil e-ikof sekiranya telah berdaftar.

Jabatan Perolehan
FELDA